



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 11 TAHUN 2017**

**POLISI PERALIHAN PELAKSANAAN  
PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN**

---

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	2
3.	Takrifan	2
4.	Penetapan Tempoh Masa Peralihan	3
5.	Polisi Peralihan	
5.1	Polisi Peralihan Bagi Baki Awal Aset Dan Liabiliti	
5.1.1	Aset	3
5.1.2	Liabiliti	6
5.2	Polisi Peralihan Bagi Pengiktirafan Dan Pengukuran Dalam Tempoh Masa Peralihan	
5.2.1	Pengiktirafan Dan Pengukuran Aset	7
5.2.2	Pengiktirafan Dan Pengukuran Hasil	8
5.2.3	Aset Dan Liabiliti Yang Didedahkan Dalam Nota Kepada Penyata Kewangan	9
6.	Hal-hal Lain	10
7.	Tarikh Berkuat Kuasa	10
8.	Pemakaian	10
9.	Penutup	11



**KERAJAAN MALAYSIA  
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 11 TAHUN 2017**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

**POLISI PERALIHAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam penggunaan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia - *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) dalam tempoh peralihan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan dengan penetapan berikut:

- 1.1 Tempoh masa peralihan selama tiga (3) tahun bagi pemakaian kali pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS);
- 1.2 Polisi peralihan bagi mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti Kerajaan dalam tempoh masa peralihan;
- 1.3 Polisi peralihan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi aset, liabiliti dan ekuiti serta pengiktirafan hasil Kerajaan dalam tempoh masa peralihan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan ini digubal berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia MPSAS 33: Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Berasaskan Akruan.
- 2.2 Polisi peralihan ini akan menetapkan item yang akan mengguna pakai peruntukan peralihan seperti berikut:
  - 2.2.1 Polisi Peralihan Bagi Baki Awal Aset dan Liabiliti.
  - 2.2.2 Polisi Peralihan Bagi Pengiktiran dan Pengukuran dalam Tempoh Masa Peralihan.
    - (a) Pengiktirafan dan Pengukuran Aset;
    - (b) Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil; dan
    - (c) Aset dan Liabiliti yang didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

## 3. TAKRIFAN

- 3.1 **Tempoh Masa Peralihan**

Merujuk kepada tempoh masa selama tiga (3) tahun apabila Kerajaan mengguna pakai satu atau lebih pengecualian dalam Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia MPSAS 33 sebelum pematuhan sepenuhnya kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) asas akruan.
- 3.2 **Tahun Pertama**

Merujuk kepada tahun pertama penyata kewangan tempoh peralihan disediakan dan dibentangkan seperti kehendak Akta Tatacara Kewangan 1967 [Akta 61].
- 3.3 **Tahun Ketiga**

Merujuk kepada tahun terakhir tempoh masa peralihan. Pada tarikh terakhir tempoh masa peralihan tersebut semua keperluan pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.
- 3.4 **Baki awal**

Merujuk kepada baki awal aset, liabiliti dan ekuiti Kerajaan yang dibawa masuk pada tahun pertama pelaksanaan perakaunan akruan dan sepanjang tempoh masa peralihan.

### 3.5 **Penyata Kewangan Tempoh Peralihan**

Merujuk kepada penyata kewangan yang disediakan dalam tempoh peralihan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia MPSAS 33 dan polisi peralihan ini.

## 4. **PENETAPAN TEMPOH MASA PERALIHAN**

Tempoh masa peralihan adalah selama tiga (3) tahun iaitu bermula pada Tahun Pertama dan berakhir pada Tahun Ketiga setelah pindaan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan dikuatkuasakan.

## 5. **POLISI PERALIHAN**

### 5.1 **POLISI PERALIHAN BAGI BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI**

Baki awal adalah baki awal aset, liabiliti dan ekuiti yang dibawa masuk pada tahun pertama dan baki awal aset dan liabiliti yang dibawa masuk pada tahun kedua dan ketiga sebagai baki awal dalam tahun berkenaan. Berikut merupakan item aset dan liabiliti yang menggunakan pakai polisi dalam tempoh peralihan:

#### 5.1.1 **ASET**

##### (a) **Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP)**

- i) Baki awal Aset Tak Alih dan Aset Alih yang telah dikenal pasti hendaklah diperakaunkan pada tahun pertama.
- ii) Mana-mana item Aset Alih dan Aset Tak Alih yang baharu dikenal pasti hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.
- iii) Baki awal aset bagi Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) diukur pada *Deemed Cost* (kaedah pengukuran dalam Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 33 iaitu nilai saksama pada tarikh peralihan), sekiranya Kos Sejarah tidak dapat diperolehi dan ditentukan atau kos berkenaan didapati kurang tepat.
- iv) Baki awal Aset Dalam Pembinaan – *Assets Under Constructions* (AUC) hendaklah diperakaunkan sepenuhnya pada tahun pertama dan hendaklah diukur menggunakan Kos Sejarah.

- v) Komponen (*componentisation*) aset tidak perlu diambil kira dalam menentukan baki awal aset.

**(b) Inventori**

Perakaunan bagi inventori adalah tertakluk kepada kriteria Pusat Tanggungjawab (PTJ) Inventori dan kaedah perakaunan yang ditetapkan dalam Interpretasi Polisi Perakaunan dan Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil.1/2014.

**i) Pusat Tanggungjawab (PTJ) Inventori Yang Menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS)**

Baki awal inventori bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) Inventori yang menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS) hendaklah diperakaunkan pada tahun pertama.

**ii) Pusat Tanggungjawab (PTJ) Inventori Yang Menggunakan Sistem Selain Sistem Pengurusan Stor (SPS)**

Baki awal inventori bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) Inventori yang menggunakan sistem selain Sistem Pengurusan Stor (SPS) boleh diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan dengan kebenaran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

**(c) Belum Terima**

**i) Cukai Belum Terima**

Baki awal Cukai Belum Terima hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan. Cukai Belum Terima yang belum diakaunkan hendaklah didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dalam tempoh masa peralihan.

**ii) Belum Terima Lain-lain**

Baki awal Belum Terima Lain-lain seperti belum terima dagangan, faedah, gaji dan lain-lain hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.

**(d) Aset Kewangan Lain**

Baki awal aset Kewangan lain seperti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun pertama:

- i) Tunai dan Kesetaraan Tunai;
- ii) Bayaran Terdahulu;
- iii) Pinjaman dan Pendahuluan; dan
- iv) Pelaburan.

**(e) Aset Pajak**

Baki awal bagi aset pajak hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan. Apabila entiti mengakaunkan aset pajak, liabiliti pajak bagi aset berkenaan juga perlu diperakaunkan dalam tempoh yang sama dengan aset pajak tersebut.

**(f) Aset Konsesi**

Baki Awal Aset Konsesi seperti lebuhraya, jambatan bertol dan lapangan terbang hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.

**(g) Aset Tak Ketara**

Baki awal Aset Tak Ketara seperti lesen perisian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.

**(h) Hartanah Pelaburan**

Baki awal Hartanah Pelaburan iaitu tanah dan bangunan hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.

**(i) Aset Pertanian**

Baki awal aset pertanian seperti haiwan dan tumbuhan hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan.

## 5.1.2 LIABILITI

### (a) Cukai Belum Bayar

Baki awal cukai belum bayar hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan. Bayaran balik cukai kepada pembayar cukai yang belum diakaunkan hendaklah didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dalam tempoh masa peralihan.

### (b) Baki awal bagi Liabiliti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun pertama:-

- i) Akaun Belum Bayar (Dagangan, Faedah, Gaji dan lain-lain)\*;
- ii) Deposit; dan
- iii) Nota Belum Bayar

NOTA: \* Bergantung kepada materialiti

### (c) Baki awal Liabiliti berikut hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan:-

- i) Pinjaman;
- ii) Pajakan/Konsesi seperti pajakan kewangan, pajakan operasi dan liabiliti konsesi; dan
- iii) Peruntukan (*Provisions*) iaitu semua jenis peruntukan, jaminan pencarum/pendeposit dan jaminan pinjaman.



## 5.2 POLISI PERALIHAN BAGI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN DALAM TEMPOH MASA PERALIHAN

Semua urusanniaga yang berlaku bermula pada tahun kewangan pertama hendaklah diiktiraf dan diukur secara asas akruan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta polisi perakaunan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh masa peralihan, pengecualian adalah diberi bagi perkara yang dinyatakan seperti berikut:

### 5.2.1 Pengiktirafan dan Pengukuran Aset

Pengecualian daripada mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran aset seperti mana keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berkaitan adalah diberikan kepada item aset seperti berikut:

#### (a) Aset Pajakan

Aset pajakan hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan. Bagi aset pajakan yang belum diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan boleh terus diiktiraf sebagai pajakan operasi.

#### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP)

Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) yang diperoleh bermula pada tahun pertama boleh diperakaunkan mengikut komponen (*componentisation*) sekiranya bersesuaian dan praktikal dalam tempoh masa peralihan.

(c) Bagi aset selain daripada di atas hendaklah mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran yang telah ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berkaitan.

## 5.2.2 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil

Pengecualian daripada mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran hasil seperti mana keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia MPSAS 9: Hasil daripada Urusniaga Pertukaran dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia MPSAS 23: Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran, diberikan kepada item hasil seperti berikut:

### Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

(a) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran berikut hendaklah diiktiraf dalam tempoh masa peralihan:

- i) Cukai Pendapatan;
- ii) Cukai Langsung Lain;
- iii) Cukai Keuntungan Harta;
- iv) Cukai Eksport dan Import;
- v) Duti Eksais;
- vi) Cukai Jualan atas Barangan Perkilangan Dalam Negeri dan Import;
- vii) Cukai Perkhidmatan;
- viii) Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST);
- ix) Levi (selain daripada Kenderaan dan Imigresen);
- x) Duti Eksais Barangan Import; dan
- xi) Lain-lain Cukai (termasuk Cukai Wilayah Persekutuan).

(b) Hasil daripada Pindahan dan lain-lain hasil berikut hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan:

- i) Denda;
- ii) Bayaran Perkhidmatan Hospital; dan
- iii) Lain-lain Pindahan.

### 5.2.3 Aset Dan Liabiliti Yang Didedahkan Dalam Nota Kepada Penyata Kewangan

Pengecualian pengiktirafan bagi item aset dan liabiliti dalam tempoh masa peralihan dan hanya didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan adalah diberikan seperti berikut:

- (a) Aset seperti berikut hendaklah didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan:
- i) Cukai Belum Terima yang belum diakaunkan dalam tempoh masa peralihan hendaklah didedahkan dalam tahun yang berkaitan;
  - ii) Aset Luar Jangka (Aset Kontigensi) didedahkan mulai tahun kedua hingga ketiga;
  - iii) Aset Warisan didedahkan pada tahun ketiga.
- (b) Liabiliti seperti berikut hendaklah didedahkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan:
- i) Cukai Belum Bayar yang belum diakaunkan dalam tempoh peralihan hendaklah didedahkan dalam tahun yang berkaitan;
  - ii) Liabiliti Pencen iaitu pembayaran pencen, ganjaran dan gantian cuti rehat hendaklah didedahkan mulai tahun kedua hingga ketiga;
  - iii) Liabiliti Luar Jangka (Liabiliti Kontigensi) didedahkan mulai tahun kedua hingga ketiga;
  - iv) Liabiliti Luar Jangka (Liabiliti Kontigensi) bagi kes mahkamah didedahkan mulai tahun kedua hingga ketiga; dan
  - v) Sekuriti Tak Dituntut didedahkan mulai tahun kedua hingga ketiga.

- 5.3 Polisi Peralihan ini perlu dirujuk bersama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta dokumen-dokumen lain berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 5.4 Garis panduan berasingan bagi perkara-perkara khusus Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri akan dikeluarkan secara berasingan.

## **6. HAL-HAL LAIN**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk Akruan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
emel : helpdesk.akruan1@anm.gov.my  
No. Telefon : 03-8882 1018

## **7. TARIKH BERKUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

## **8. PEMAKAIAN**

- 8.1 Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- 8.2 Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri hendaklah memastikan pematuhan kepada Polisi Peralihan Perakaunan Akruan Kerajaan dalam tempoh masa peralihan.

## 9. PENUTUP

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



**SAAT BIN ESA C.A.(M)**  
Akauntan Negara Malaysia  
29 Disember 2017

s.k :

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri